

04/03/1998

Teknologi robotik terkini di TTM

Hizral Tazzif Hisham; Faizal Fadzil

TAMAN Teknologi Malaysia (TTM), terus mengorak langkah mengambil peranan sebagai institusi terunggul dalam bidang robotik dengan penubuhan Pusat Penyelidikan, Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Ter maju Malaysia (MasterCentre) untuk membantu industri pengilangan dan pengeluaran tempatan.

MasterCentre yang dibangunkan dengan kerjasama pengeluar peralatan robotik terbesar di dunia, Fanuc Corp dari Jepun untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada sektor industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan untuk melakukan pelbagai bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) khususnya untuk mempertingkatkan mutu produk keluaran mereka.

Pengerusi TTM, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata objektif penubuhan pusat berkenaan bertujuan mempertingkatkan keupayaan teknikal jurutera tempatan bagi mengendalikan pelbagai aspek automasi pejabat dalam pengeluaran produk di kilang.

"Ia akan memperkenalkan dan mempromosikan penggunaan automasi pejabat dalam industri sebagai kaedah untuk mempercepatkan pembangunan ekonomi negara menjelang abad ke 21," katanya selepas perasmian MasterCentre oleh Perdana Menteri di Bukit Jalil, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran MasterCare oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dr Mahathir juga turut menyaksikan majlis menandatangani persefahaman antara Teknos Sdn Bhd dan Scipher Ltd untuk mengeluarkan dan memasarkan sistem komunikasi pengangkutan videonet.

Beliau yang juga penasihat sains kepada Perdana Menteri berkata, MasterCentre dilengkapi dengan pelbagai teknologi robotik terkini, termasuk Makmal Sistem Pengeluaran Fleksibel (FMS) dan Jabatan Pengeluaran Prototaip (JPP).

"JPP mempunyai mesin pemotong laser karbon dwioksida untuk kemudahan melakukan pembuatan acuan dan komponen mengikut kemahuan pelanggan yang mana tugas pertama ialah pembuatan gasket untuk saluran paip milik Petronas," katanya.

Bagi Makmal FMS dan Robotik, ia mempunyai 17 jenis robot pelbagai guna dan tujuh robot tambahan di samping kemudahan canggih untuk keperluan sektor pengilangan negara.

Menurutnya, TTM melalui MasterCentre turut menawarkan kursus bagi operasi robot, kawalan program logik, penyelenggaraan robot, reka bentuk berbantuan komputer (CAD) dan pengeluaran berbantuan komputer (CAM).

Ketika ini, kira-kira 20 pelatih sedang menjalani latihan yang mana mereka dibahagikan kepada kursus asas, pertengahan dan maju.

Sementara itu, fasa kedua TTM meliputi kawasan seluas satu juta kaki persegi akan dibangunkan bagi memenuhi keperluan terhadap penyewa yang semakin bertambah.

"Apabila fasa kedua siap sepenuhnya kira-kira 100 syarikat akan menduduki ruang yang akan dibangunkan manakala 50 syarikat lagi sedang dalam senarai menunggu," katanya.

Omar berkata, TTM sudah mencapai objektif cemerlang dengan mempunyai 83 syarikat yang menjadi penyewa ruang kawasan dan menggunakan kemudahan yang ada walaupun hanya beroperasi 18 bulan lalu.

"Kami bercadang untuk mengadakan usaha sama dengan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) dan luar negara untuk membolehkan ia mengendalikan program sarjana dan doktor falsafah."

"Perbincangan sudah dilakukan antara IPT tempatan seperti UTM, UUM dan luar negara seperti Oxford untuk menjayakan program yang dirancangkan," katanya.

(END)